

# Bakal Menteri Besar baru jadi topik hangat rakyat Selangor

12 AUG 2001

KLANG, Jumaat - Reka-tekni mengenai siapa bakal Menteri Besar baru bagi menggantikan Datuk Seri Abu Hassan Omar, menjadi perbualan hangat di kalangan rakyat di Selangor.

Masing-masing mempunyai calon pilihan dengan alasan tersendiri terutama penyokong kuat seseorang calon.

Malah, khabarnya ada yang sudah mula solat-hajat sebaik saja senarai nama calon diserahkan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, agar Perdana Menteri mendapat ilham yang berpihak kepada calon pilihan mereka.

Sebelas nama calon bakal menteri besar dikemukakan oleh Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, kepada Dr Mahathir, di Putra Jaya pagi ini.

Berikut ialah profil peringkat 11 Adun yang dikatakan disenaraikan sebagai calon menteri besar:

● Adun Dusun Tua, Dr Zainal Abidin, 61, yang juga Timbalan Menteri Besar dan Ketua Umno Bahagian Hulu Langat dianggap pemimpin paling kanan di Selangor sekarang.

Berkelulusan Ijazah Pendidikan Universiti Malaya, Ijazah Sarjana University of Stanford California dan Phd dari University of California, beliau mempunyai pengalaman luas dan bidang pendidikan.

● Adun Dengkil yang juga Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur, Penerangan dan Teknologi Maklumat, Datuk Mohd Sharif Jajang, 57, juga Ketua Penerangan Umno Selangor dan pernah memimpin Pemuda Umno Selangor untuk tempoh 1981 hingga 1982.

Beliauberkhidmat sebagai guru, Setiausaha Sulit kepada Timbalan Menteri Pertanian (1980-1981), Setiausaha Sulit Timbalan Menteri Pertanian (1981-1982), Setiausaha Sulit Timbalan Menteri Tele-

kom dan Pos, Setiausaha Sulit Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (1982), Ahli Parlimen Sepang (1986-1995).

● Adun Sijangkang yang juga Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan, Industri Kecil dan Sederhana, Belia dan Sukan, Datuk Abdul Fatah Iskandar, 44, ialah Ketua Umno Kuala Langat yang memulakan karier politik pada 1993 selepas meletakkan jawatan dalam perkhidmatan awam.

Beliau diberi mandat untuk memimpin Pemuda Umno pada 1993 serta Ketua Penerangan Pemuda Malaysia mulai 1996 hingga 1999 adalah Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) paling muda.

● Adun Kelana Jaya yang juga Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Setinggal, Datuk Mohd Mokhtar Ahmad Dahlan, 56, adalah Ketua Umno Bahagian Subang dan pernah disebut-sebut sebagai calon Menteri Besar selepas Muhammad meletakkan jawatan tiga tahun lalu.

● Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Perikanan, Datuk Raja Ideris Raja Ahmad, 56, pula dipilih menjadi Adun Sabak sejak 1990 dan mempunyai pengalaman dalam bidang perguruan.

Antara jawatan dalam politik yang pernah dipegangnya ialah AJK Biro Ekonomi Selangor dan Timbalan Ketua Umno Bahagian Sabak Bernam.

● Adun Puchong, Datuk Mohd Satim Diman, 47, pernah menjadi Ketua Pemuda Bahagian Puchong, Naib Ketua Pemuda Umno Selangor sebelum dilantik sebagai Ketua Umno Bahagian Serdang.

Beliau memiliki Diploma Pengajian Perniagaan daripada Institut Teknologi Mara aktif dalam pertubuhan bukan kerajaan termasuk, Pemadam Selangor dan Ahli Kehormat Persatuan Pengakap

Malaysia.

● Adun Batu Tiga, Datuk Salomon Selamat, 53, yang juga Ketua Umno Bahagian Shah Alam pernah menjadi Setiausaha Politik Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Ahli Parlimen Shah Alam pada 1995.

Beliau berpengalaman sebagai pegawai tadbir dan pernah menjawat jawatan Timbalan Pengurus Besar Perbadanan Kemajuan Selangor sebelum meletakkan jawatan dan menceburi dunia politik.

● Adun Selayang Baru, Datuk Ahmad Bhari, 51, pernah berkhidmat dalam perkhidmatan awam sejak 1973 sebelum menumpukan perhatian kepada politik.

Beliau memulakan ka-

rier politik sebagai Ketua Pemuda Umno Kampung Kuang, Selayang pada 1980 sebelum menjawat beberapa jawatan lain termasuk Ketua Pemuda Umno Selayang dan Ketua Pemuda Umno negeri.

● Adun Hulu Bernam, Datuk Mohamed Idris Abu Bakar, 49, yang juga Ketua Umno Bahagian Hulu Selangor ialah ahli korporat sebelum membabitkan diri secara serius dalam politik.

Beliau pernah dilantik sebagai Ketua Pergerakan Pemuda Hulu Selangor dan Ketua Pergerakan Pemuda Umno Selangor.

● Adun Batang Kali, Datuk Zainal Abidin Sakom, pula mempunyai pengalaman sebagai guru selama

18 tahun serta Setiausaha Politik selama 11 tahun.

Beliau ialah Timbalan Ketua Bahagian Hulu Selangor dan pernah menjadi Adun Hulu Bernam sehingga 1999.

● Adun Selat Klang, Datuk Zakaria Md Deros, 54, yang lebih dikenali dengan panggilan Datuk Z di kalangan pemimpin Umno mula menceburkan diri dalam Umno sejak 30 tahun lalu.

Beliau menyandang jawatan Naib Ketua Umno Klang pada 1983 seterusnya diberi kepercayaan dan mandat oleh ahli Pemuda sebagai Ketua Pergerakan Pemuda Umno Klang pada 1985 dan pada tahun yang sama dipilih sebagai Ketua Umno Bahagian Klang.